OLEH: FAIZ RAHMAN PUTERA | FOTO: EHSAN UNISZA

UniSZA

TAWAR JURUSAN & KEMUDAHAN TERBAIK

Setiap lepasan SPM pasti mahu menyambung pelajaran di tahap yang lebih tinggi. Ia menjamin masa hadapan yang lebih cerah.

Memilih jurusan yang tepat adalah penting kerana sekiranya seseorang pelajar itu memilih jurusan yang salah, mereka berkemungkinan akan gagal seawal semester satu dan seterusnya menarik diri daripada meneruskan pelajaran. Oleh itu, pilih jurusan dan institusi pengajian tinggi yang tepat.

JURUSAN DITAWARKAN MENARIK

Universiti Darul Iman Malaysia (singkatan: UDM) yang kini dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terletak di Negeri Terengganu. Universiti Darul Iman Malaysia telah ditubuhkan pada 24 Ogos 2005 sebagai institut pengajian tinggi awam (IPTA) ke-18 dan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) telah menjadi salah sebuah kampusnya. Walaupun masih baru, namun universiti ini telah berpengalaman dalam menguruskan program diploma dan ijazah sarjana muda melalui Kampus KUSZA sejak tahun 1980-an.

"Bagi para lepasan SPM, UniSZa menawarkan 25 jurusan di bawah lapan fakulti yang sangat menarik iaitu, pertanian bioteknologi dan pertanian, perubatan dan sains kesihatan, reka bentuk dan teknologi kejuruteraan, informatik dan komputeran, undang-undang dan hubungan antarabangsa dan yang paling mendapat perhatian ialah jurusan di bawah fakulti pengajian kontemporari Islam, pengajian pengurusan dan perakaunan serta Fakulti bahasa dan komunikasi" ujar Naib Canselor UniSZA, Prof Dr Yahaya Ibrahim memulakan bicara.

KEMUDAHAN DEMI KESELESAAN PELAJAR

Sebagai sebuah Institusi pengajian tinggi awam, UniSZA amat mengutamakan keselesaan pelajar dengan menawarkan pelbagai kemudahan lengkap yang selesa. Ia adalah suatu perkara yang amat penting kerana akan memberi impak terhadap prestasi pelajaran mereka.

"Untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang cukup selesa kepada pelajar, pihak pengurusan telah membina sebanyak empat kolej kediaman. Sebanyak 38 blok yang mempunyai 2379 buah bilik terletak di Kampus Gong Badak dan di Kampus Kota mempunyai dua blok dengan 44 bilik. Secara puratanya, setiap bilik menempatkan dua orang pelajar pada satu-satu masa. Ini akan memberikan lebih ruang untuk pelajar mengulang kaji pelajaran dan berehat dengan keadaan yang cukup baik. Kemudahan kafeteria turut disediakan untuk memberi kemudahan kepada pelajar dan kakitangan Universiti, tambah Yahaya lagi.

Menurut beliau, kemudahan dari segi akademik yang disediakan oleh UniSZA juga amat memuaskan iaitu bilik kuliah, bilik tutorial, dewan seminar dan bengkel yang kondusif bagi perlaksanaan proses pembelajaran. Di samping itu, beberapa kemudahan lain yang berkaitan langsung dengan proses pembelajaran turut disediakan. Antaranya perpustakaan, makmal bahasa, makmal komputer, makmal klinikal dan lain-lain kemudahan yang terdapat di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim.

Para pelajar dibekalkan dengan peralatan dan kemudahan yang lengkap dan canggih.

"Dari segi fasiliti sukan dan rekreasi, UniSZA turut menawarkan sebuah gimnasium badminton, skuasy, bola tampar dan tempat bersenam. Fasiliti untuk sukan-sukan utama yang lain ialah padang hoki, gelanggang tenis, sepak takraw, lapang sasar memanah dan lain-lain. Selain itu, UniSZA juga mempunyai sebuah bangunan perpustakaan di Kampus Gong Badak yang dapat menampung 300 pengguna dalam satu-satu masa dengan jumlah koleksi semasa hampir 140,000 bahan," tambah naib canselor, yang turut berkongsi mengenai matlamat UniSZA iaitu melahirkan insan berilmu yang terfokus kepada peradaban Islam melalui kecemerlangan pengajaran, penyelidikan dan inovasi.

PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Sehingga 30 April 2014, UniSZA yang telah menempatkan seramai 6867 orang pelajar dari jurusan diploma hingga ke Ph.D ini amat mengutamakan pencapaian para pelajar dan staf akademik mereka.

"Antara pencapaian terbaik yang diterima oleh UniSZA adalah kejayaan lima produk UniSZA diiktiraf dan berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa di Pameran Reka cipta Antarabangsa di Geneva, Switzerland pada 2-6 April 2014. UniSZa juga mengutamakan pencapaian staf akademik dan antara pencapaian terbaik mereka ialah kejayaan dua pensyarah UniSZA menghasilkan perabot di peringkat antarabangsa di Milan, Itali baru-baru ini," tambahnya lagi.

Mengakhiri temu bual, Yahaya menasihati para pelajar lepasan SPM agar membuat pilihan yang tepat dalam memilih program yang bersesuaian dengan keputusan SPM yang diperoleh. Jurusan yang tepat akan memberi impak yang baik dalam pencapaian akademik.

Info

Jumlah Pelajar :
Diploma : 2439 orang
Sarjana Muda : 4428 orang
Sarjana : 269
Ph.D : 117 orang

FAKULTI DAN JURUSAN YANG DITAWARKAN :

i Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Diploma Tesl

ii Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Diploma Pengajian Islam (Syariah)
- Diploma Pengajian Islam (Usuluddin)
- Diploma Pengajian Islam (Bahasa & Kesusasteraan Arab)
- Diploma pengajian Islam (Dakwah)
- Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & As-Sunnah)
- Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam)
- Diploma Pengajian Islam (Sejarah & Tamadun Islam)
- Diploma Pengajian Islam dengan Teknologi Maklumat

iii Fakulti Pengajian Pengurusan Dan Perakaunan
- Diploma Perakaunan
- Diploma Pengajian Bank
- Diploma Pengajian insurans
- Diploma Kewangan
- Diploma Pemasaran
- Diploma Perdagangan Antarabangsa
- Diploma Pengurusan Sumber Manusia

iv Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan
- Diploma Sains Kejururawatan
- Diploma Teknologi Makmal Perubatan
- Diploma Radiografi

v Fakulti Rekabentuk Dan Teknologi Kejuruteraan
- Diploma Reka Bentuk Perindustrian
- Diploma Teknologi Pembuatan

vi Fakulti Informatik Dan Komputeran
- Diploma Teknologi Maklumat
- Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia)

vii Fakulti Undang-Undang Dan Hubungan Antarabangsa
- Diploma Undang-Undang

- FOKUS SPM -